



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Bilangan 3/2022**

**MEWUJUDKAN REKOD DATA SENARAI PEMBERITAHUAN DALAM WARTA  
BERKAITAN TANAH DALAM SESEBUAH DAERAH**

---

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
Putrajaya  
2022**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2022

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

**Maklumat Dokumen**

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 3/2022
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya.
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	<a href="mailto:bdk@jkptg.gov.my">bdk@jkptg.gov.my</a>
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

**Kawalan Versi Dokumen**

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

## **PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 3/2022**

### **Mewujudkan Rekod Data Senarai Pemberitahuan Dalam Warta Berkaitan Tanah Dalam Sesebuah Daerah**

#### **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati semua Pentadbir Tanah mengenai keperluan mewujudkan satu senarai pemberitahuan dalam warta berkaitan tanah dalam sesebuah daerah.

#### **PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

2. Dalam urusan tanah akan wujud pemberitahuan-pemberitahuan dalam warta yang melibatkan tanah-tanah dalam sesebuah daerah dari semasa ke semasa. Bagi membantu pentadbiran tanah dalam urusan pelupusan, penguatkuasaan dan pembangunan tanah, maklumat pemberitahuan-pemberitahuan ini adalah amat penting untuk mengelak berlaku pertindihan semasa Pihak Berkuasa Negeri mempertimbangkan sesuatu permohonan pemilikan tanah. Sehubungan itu, adalah menjadi satu kelebihan yang akan memudahkan urusan Pentadbir Tanah jika Pentadbiran Tanah Daerah mewujudkan satu senarai yang merekodkan data pemberitahuan dalam warta yang lengkap.

3. Senarai yang mengandungi data pemberitahuan dalam warta boleh dilaksanakan secara elektronik atau bukan elektronik mengikut kesesuaian pentadbiran tanah daerah masing-masing. Maklumat pemberitahuan ini hendaklah dikemaskini dari semasa ke semasa dan diterjemahkan dalam *charting* manual atau komputer di dalam sistem pentadbiran tanah daerah masing-masing. Maklumat ini adalah amat penting bagi membantu Pentadbir Tanah dalam penyediaan kertas-kertas pertimbangan tanah untuk diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

4. Antara senarai pemberitahuan yang perlu disimpan maklumatnya adalah seperti berikut:-

- i. Pemberitahuan Warta Pengisytiharan kawasan pentadbiran sesebuah daerah, daerah kecil, mukim, bandar, pekan dan desa selaras dengan peruntukan seksyen 11 Kanun Tanah Negara [Akta 828];
- ii. Pemberitahuan Warta Pengisytiharan kawasan-kawasan dalam sesebuah daerah oleh Pihak Berkuasa Negeri mengenai kategori tanah yang boleh diluluskan semasa pemberimilikan bagi sesuatu kawasan selaras dengan subseksyen 52(2) Akta 828;

- iii. Pemberitahuan Warta Pengisytiharan perizaban tanah-tanah untuk maksud awam dalam sesebuah daerah selaras dengan seksyen 62 Akta 828;
- iv. Pemberitahuan Warta Pengisytiharan pembatalan perizaban tanah-tanah untuk maksud awam dalam sesebuah daerah selaras dengan seksyen 64 Akta 828;
- v. Pemberitahuan Warta Perampasan tanah dan terletak hak atas Pihak Berkuasa Negeri yang dilaksanakan akibat seksyen 100 dan seksyen 129 Akta 828 yang disempurnakan di bawah seksyen 130 Akta 828;
- vi. Pemberitahuan Pengisytiharan kawasan yang ditetapkan (*designated area*), kawasan penempatan berkelompok (*group settlement area*), kawasan penempatan desa (*rural settlement area*) dan kawasan penempatan bandar (*urban settlement area*) di bawah seksyen 3, 4, 5 dan 6 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960;
- vii. Pemberitahuan Pengisytiharan kawasan sebagai rizab hutan di bawah Akta Perhutanan Negara 1987;
- viii. Pemberitahuan Pengisytiharan kawasan sebagai kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di bawah beberapa undang-undang berhubung dengan Pihak Berkuasa Tempatan (Akta Kerajaan Tempatan 1976);
- ix. Pemberitahuan di bawah peruntukan-peruntukan Akta Pemuliharaan Tanah 1960;
- x. Pemberitahuan Pengisytiharan sebagai kawasan rizab Melayu di bawah Enakmen Rizab Melayu negeri berkenaan;
- xi. Pemberitahuan Pengisytiharan sebagai kawasan orang asli atau rizab Orang Asli di bawah Akta Orang Asli 1954; dan
- xii. Lain-lain perundangan yang masih berkuat kuasa.


5. Contoh format senarai yang boleh digunakan oleh Pentadbir Tanah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

## **PEMBATALAN**

6. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 12 Tahun 1977 (Semakan 2007) bertajuk Rekod Pemberitahuan Dalam Warta Berkaitan Dengan Tanah Di Sesebuah Daerah adalah dibatalkan.

## PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.



(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)  
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

No. Fail : JKPTG.BDK.100-1/3/1

Tarikh : 31.5.2022

**LAMPIRAN 'A'**

**JENIS PEMBERITAHUAN :** .....

TARIKH WARTA	NO. WARTA	NO. PELAN GAZET	NO. SYIT PIAWAIAAN & TARIKH DITANDA DALAM SYIT	TEMPAT (BANDAR/PEKAN/MUKIM)	LUAS	TUJUAN	HAL-HAL LAIN